



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Acah-Acah Deep

Pada bulan Mac 2016, PTS Media Group menerbitkan sebuah buku baru dengan tajuk menarik, iaitu *Acah-Acah Deep*. Penulis buku ini adalah Shazreen Fazlynda atau lebih mesra dipanggil Lyn. Beliau seorang vlogger dan menyampaikan mesej-mesej melalui video-videoonya di Youtube. Mungkin nama beliau tidak terkenal seperti bintang Youtube lain seperti Matluthfi, FaizDickie, Najwa Latiff, Yuna, dan Cikgu Shida, tetapi rasanya ramai yang sudah mengenalinya yang berasal dari Pulau Pinang ini. Beliau yang bercita-cita menjadi direktor filem ini hanya mengambil masa empat bulan bagi menyiapkan buku ini.

Secara keseluruhannya, penulis menggunakan gaya bahasa yang santai dan ringan dalam buku ini. Beliau tidak menggunakan bahasa yang berat ataupun menggunakan loghat orang Utara yang pekat supaya dapat menarik pembaca dengan kandungan yang santai. Menariknya, cerita-cerita yang dimuatkan dalam buku ini berdasarkan cerita rekaan dan kisah benar penulis serta orang di sekelilingnya. Karakter-karakter yang dicipta dalam buku ini juga bertepatan dengan kehidupan seharian kita seperti watak Mak Bedah, Abu, dan Markonah. Perjalanan cerita buku ini banyak berkait rapat dengan masyarakat pada masa kini.

Apa yang uniknya, buku ini sesuai dibaca oleh semua orang kerana ia tidak menentukan sasaran pembaca secara spesifik. Pembaca juga dapat mengambil banyak inspirasi dan pengajaran berguna daripada buku ini. Ia berkisarkan tentang kehidupan manusia dan bagaimana penyelesaian untuk keluar daripada masalah yang dihadapi. Penulis juga memfokuskan bagaimana mentaliti seseorang perlu diubah untuk jadi lebih baik. Amnya buku ini dapat memberi satu nafas baru untuk pembaca kerana membincangkan tentang kehidupan dengan gaya yang santai.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my